

30 Hari | Kesaksian dari Africa Utara dan Perancis

Sepasang suami isteri Algeria yang sekarang tinggal di Perancis dilahirkan dan dibesarkan di Kabilia di Algeria Utara. Apabila si isteri, yang bernama Djouzia, berumur lapan tahun, dia menjadi sangat marah apabila dia diberitahu oleh orang-orang Muslim yang lain bahawa Tuhan hanya berbahasa Arab dan dia hanya dapat menggunakan bahasa Arab untuk berhubung denganNya. (Ramai orang Kabil, yang

mempunyai bahasa Berber mereka tersendiri, benci akan bahasa Arab kerana ia memperingatkan mereka akan penindasan bangsa mereka selama berabad-abad.

Suatu petang, semasa Djouzia masih budak kecil, dia keluar dan melihat muka seorang lelaki yang tersenyum sedang memandangnya. Dia begitu gembira dan lari kepada ibunya, ingin menunjukkan muka itu, tetapi ibunya tidak melihat apa-apa. Ini terjadi selama tiga malam berturut-turut, sehinggalah ibu Djouzia melarangnya keluar kerana dia

takut anaknya itu mula hilang akal. Akan tetapi muka yang tersenyum itu tidak pernah dilupai oleh Djouzia.

Bertahun-tahun kemudian, selepas dia sudah berkahwin, Djouzia bertanya kepada bapa mertuanya, seorang imam, sama ada muka itu mungkin muka Muhammad. Dia menjawab demikian: "Tidak, tidak mungkin muka itu Muhamad. Ia semestinya muka Yesus kerana Quran menyatakan secara jelas bahawa Yesus merupakan satu-satunya nabi yang tidak pernah berdosa. Oleh itu,

30 Hari | Kesaksian dari Africa Utara dan Perancis

muka itu tidak mungkin muka Muhammad.” Djouzia kemudian bertanya bagaimana dia dapat berhubung dengan Yesus dan bapa mertuanya menjawab: “Alangkah bagusnya, tetapi malangnya undang-undang Islam melarang kita melakukannya.” Ini amat mengecewakan Djouzia!

Beberapa tahun kemudian, ketika Djouzia dan suaminya tiba di Perancis, mereka bertemu dengan beberapa orang Kristian Kabil. Suami

Djouzia seorang yang mengamalkan Islam fundamentalis, yang ingin menggulingkan kerajaan Algeria untuk menubuhkan Republik Islam. Dia langsung berminat dalam carian Djouzia akan “muka lemah-lembut” itu. Akan tetapi dia tidak mahu Djouzia pergi seorang diri ke kebaktian Kristian tanpa perlindungan dan jagaannya. Oleh itu dia menemani Djouzia dan kedua-dua mereka akhirnya percaya akan Mesias melalui kebaktian-kebaktian tersebut.

www.30-days.net

www.30daysfire.net

30 Hari Doa bagi Dunia Muslim